

11 lambang dan Jata Negara Istana lama lesap dicuri



SEBILANGAN lambang termasuk Jata Negara yang dilekatkan di dinding pagar Istana Negara di Jalan Istana disedari hilang di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 30 Mei - Pihak pengurusan Istana Negara di Jalan Istana di sini terkejut apabila menyedari 11 lambang termasuk Jata Negara yang dilekatkan pada dinding pagar istana hilang dipercayai telah dicuri.

Kehilangan itu disedari oleh orang awam yang mengunjungi Istana Negara yang telah dikosongkan sejak 15 November lalu dan kini dijadikan sebagai muzium warisan negara.

Jata Negara atau lambang rasmi negara hasil gabungan pecahan bintang 14 yang setinggi 59 sentimeter lebar 64 cm itu dikesan hilang semalam dan dipercayai telah diumpil untuk dijual.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah ketika dihubungi mengesahkan kehilangan itu dan difahamkan, satu laporan polis juga dibuat oleh pihak pengurusan di Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields, semalam

Difahamkan, lambang itu diperbuat daripada logam jenis gangsa dan masih mempunyai nilai jika dijual di kedai-kedai besi terpakai.

Sementara itu, Menteri Penera-

ngan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Baki Latif ketika dihubungi pihak media mengesahkan siasatan lanjut dilakukan kerana perbuatan mengutip lambang negara tidak seharusnya dilakukan.

Katanya, perbuatan itu seolah-olah seperti mengkhianat negara kerana lambang terbahit dikenang sebagai peninggalan bersejarah, lebih-lebih lagi pernah menjadi tempat tinggal Yang di-Pertuan Agong.

"Kementerian juga akan mengarahkan Jabatan Warisan Negara untuk menyiasat kecurian ini, malah mahu peniaga-peniaga besi terpakai yang mempunyai maklumat tentang ini supaya tampil ke hadapan membantu pihak berkuasa," katanya.

Kes kecurian itu difahamkan pertama kali berlaku di Istana Negara dan kecurian melibatkan warisan negara juga pernah berlaku di Bukit Cina, Melaka.

Kehilangan Jata Negara ini akan disiasat mengikut Akta Warisan negara 2005 dan jika disabitkan bersalah, pesalah akan dihukum lima tahun penjara atau denda maksimum RM50,000 atau kedua-duanya sekali.